

02 FEB 2002

Ling-MCA/I

SENARAI ANGGOTA BARU MCA DIPAMERKAN

GENTING HIGHLANDS, 2 Feb (Bernama) -- Dalam satu tindakan yang tidak pernah dilakukan sebelum ini, MCA bercadang mempamerkan senarai nama 138,000 anggota barunya yang menyertai parti terbabit tahun lepas, bersama senarai anggota sedia akan, bulan ini.

Presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata belum pernah dalam sejarah parti itu ia secara terbuka mempamerkan senarai anggota barunya, dan ia dilakukan kali ini kerana MCA mahu ketelusan dalam pemilihan parti itu.

"Saya akan mencadangkan senarai itu dipamerkan supaya semua orang dapat melihatnya pada mesyuarat jawatankuasa pusat (CC) yang akan bermesyuarat pada 9 Feb ini".

"Sebelum ini kami menolaknya ketika anggota CC membangkitkannya pada mesyuarat kerana ibu pejabat MCA tidak dapat memasukkan kesemua nama, namun mereka telah bekerja keras dan berjaya melakukannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar motivasi MCA di sini hari ini.

Dr Ling berkata kebiasaannya parti itu hanya mempamerkan senarai anggotanya selama lima hari sebelum pemilihan parti, yang diadakan tiga tahun sekali.

Parti kedua terbesar dalam komponen Barisan Nasional itu akan mengadakan pemilihan parti pada lewat Jun tahun ini.

"Tetapi tahun ini, senarai itu akan dipamerkan selama 21 hari dan kesemua nama 138,000 anggota baru akan dipamerkan berasingan daripada senarai anggota sedia ada," katanya.

Dr Ling berkata beliau akan mencadangkan supaya senarai anggota baru dipamerkan, pada mesyuarat CC akan datang, dan menjangkakan cadangan itu akan diluluskan oleh pemimpin parti.

Katanya langkah itu bertujuan membuktikan bahawa demokrasi wujud dalam parti selain mengelak timbul lebih banyak perbalahan dalaman dalam MCA, yang kini ditahap yang serius.

"Kami mahu semua pihak menerima keputusan pemilihan parti pada Jun .., pemenang (pada pemilihan) akan memimpin dan yang tewas wajar memberi kerjasama untuk memperkukuhkan parti," katanya.

Dr Ling berkata MCA mahu mengelak berulangnya "Perhimpunan Agung Luar Biasa Nanyang" apabila selepas mengundi dan keputusan diumumkan, timbul dakwaan mengenai amalan pemilihan yang tidak adil.

MCA mengadakan mesyuarat agung luar biasa parti pada pertengahan tahun lepas yang meluluskan pembelian dua akhbar harian Cina, termasuk Nanyang Siang Pau. Ia menjalankan undian sulit untuk mendapat sokongan terhadap pembelian itu daripada hampir 2,000 perwakilan.

Undian itu dibuat setelah sebahagian pemimpin parti menolak pembelian itu dan selepas mendapat sokongan pembelian, timbul dakwaan wujud percanggahan dalam proses itu.

"Kami menoleh ke belakang bagi memastikan proses demokrasi yang lebih bersih dan telus, kami akan menghormati apa sahaja keputusan pemilihan tahun ini," kata Dr Ling.

Menurutnya senarai itu akan dipamerkan di pejabat cawangan parti dari 9 Feb hingga 2 Mac.

MCA melalui masa yang sukar tahun lepas akibat perselisihan antara pemimpin yang condong kepada Dr Ling dan mereka yang berpihak kepada timbalan presiden Datuk Lim Ah Lek. Dr Ling mahu membeli Nanyang tetapi ditentang oleh Lim.

Minggu lepas, Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau masih berusaha mendapatkan kedua-dua pihak menyelesaikan masalah itu secara baik.

Bagaimanapun, penganalisis politik berkata pemilihan MCA tahun sengit dengan setiap jawatan utama parti menyaksikan pertandingan.

Malah selepas kenyataan Dr Mahathir itu, kedua-dua pihak berhati-hati mengeluarkan kenyataan membabitkan perkara itu dan sehingga hari ini belum ada "cahaya diujung terowong" dalam penyelesaian masalah parti.

Ia menyebabkan ramai yakin bahawa hanya peti undi sahajalah yang akan memutuskan masa depan parti dan nasib para pemimpinnya.

-- BERNAMA

SR RZS LAT